



# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KILANG YTY DAN ASRAMA PEKERJA, LEKIR, SITIAWAN, PERAK (DAERAH MANJUNG) KEMASKINI : 01 APRIL 2021

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

## Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

#### Tindakan

#### Penerangan Ringkas

Kawasan yang terlibat

Kilang YTY dan Asrama Pekerja, Lekir, Sitiawan, Perak (Daerah Manjung).

Tempoh Kuat kuasa

02 April 2021 (12.01 pagi) sehingga 15 April 2021 (11.59 malam).

Kawalan Pergerakan

- PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA & PBT.
- Laluan keluar masuk kawasan PKPD **DITUTUP dan DIKAWAL** kemasukan oleh PDRM.
- Semua Staf Kilang/Penghuni Asrama di dalam kawasan PKPD **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari asrama/tempat tinggal masing-masing. Pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan *case to case basis*.
- Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian syarikat pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain boleh dibenarkan dengan pertimbangan PDRM dan KKM.
- Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, **DIBENARKAN** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.
- Perkhidmatan penghantaran (*food panda & grab*) adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPD.

Saluran Makanan dan keperluan

- Pemberian bantuan bekalan makanan akan diselaraskan secara bersama oleh pihak Pengurusan Kilang YTY dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Manjung.
- Sumbangan keperluan makanan dari NGO dan lain-lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Manjung.

Aktiviti Dalam Kawasan PKPD

- Aktiviti sosial, keagamaan di surau dan rumah ibadat bukan Islam, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Saringan secara bersasar kepada penghuni asrama dan Staf Kilang di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.
- Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan